




BULETIN

JABATAN PERKHIDMATAN
KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

LAWATAN PENANDA ARAS KEMENTERIAN DIGITAL



Pada 29 Julai 2025, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) Sabah dengan penuh penghargaan telah menerima Lawatan Penanda Aras daripada Kementerian Digital bersama delegasi rasmi yang terdiri daripada Kementerian Digital, Jabatan Digital Negara, MyDigital dan Pejabat Wilayah Jabatan Digital Sabah. Lawatan ini bukan sahaja bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat pelaksanaan inisiatif digitalisasi yang sedang dijalankan oleh JPKN, malah turut menjadi wadah penting untuk memperkukuh hubungan strategik antara agensi, memperluas jaringan kerjasama serta membina persefahaman bersama dalam usaha memajukan agenda pendigitalan sektor awam. Sepanjang sesi lawatan, delegasi berpeluang meninjau pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, di samping bertukar pandangan dan cadangan mengenai amalan terbaik dalam pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi di peringkat kerajaan negeri.





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



Di samping itu, sesi ini juga membuka ruang kepada perbincangan yang lebih mendalam mengenai cabaran dan peluang dalam transformasi digital, khususnya dalam memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien, inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat. Melalui pertukaran idea, pengetahuan serta pengalaman, JPKN menzahirkan komitmen untuk terus mendukung aspirasi Malaysia Digital dengan menerajui inisiatif berimpak tinggi, berinovasi serta berdaya tahan dalam melahirkan ekosistem digital yang mampan di Sabah. Lawatan ini sekali gus menjadi pemangkin kepada usaha merealisasikan transformasi digital negara, bukan sahaja pada peringkat negeri tetapi juga dalam konteks pembangunan negara secara keseluruhan, ke arah menjadikan sektor awam Malaysia lebih moden, berdaya saing dan berpaksikan teknologi.



BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



Selamat Menyambut
Hari Kebangsaan dan Hari Sabah 2025

Malaysia Madani, Rakyat Disantuni

Ikhlas Daripada
Ybhg. Puan Ernywati Dewi Binti Abas
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my JPKN_sabah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



Selamat Menyambut
Maulidur Rasul

1447 HIJRAH

"Membangun Ummah MADANI"

Ikhlas Daripada
Ybhg. Puan Ernywati Dewi Binti Abas
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

jpkn.sabah.gov.my Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN_sabah



BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



Simposium Sabah Women's Leader 2025
18 September 2025 (Khamis)
Sabah International Convention Centre (SICC)
8.00 pagi – 5.00 petang

Simposium Sabah Women's Leader telah berlangsung dengan jayanya sebagai platform strategik memperkasa kepimpinan wanita di Sabah. Satu program bermakna anjuran Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA).

Simposium ini menghimpunkan pemimpin wanita pelbagai latar belakang untuk berkongsi pandangan, pengalaman dan inisiatif dalam memperkukuh peranan wanita sebagai agen perubahan dan peneraju pembangunan negeri.

Bersama kita mengangkat suara wanita dan membina masa depan yang inklusif serta progresif.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk James bin Ratib, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat yang mewakili YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

Turut hadir bersama ialah YB Datuk Flovia Ng, Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat Dan Kesejahteraan Rakyat, YBhg. Datuk Maria Chong, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Hajah Rosmawati, Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah dan Puan Hajah Haslina Ismail, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

PEMANTAPAN KERJA BERPASUKAN (TEAMBUILDING)

Cawangan Wilayah Tawau

Program Pemantapan Kerja Berpasukan Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Wilayah Tawau ini dirancang dilaksanakan dalam tempoh Tiga(3) hari bekerja di Kuala Lumpur.

7 Mei - 9 Mei 2025

Hari ke 3 , 9 Mei 2025 (Jumaat) - Lawatan ke Hub Office CelcomDigi, Petaling Jaya





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT BAHARU JPKN TAWAU

26 Ogos 2025 Dirasmikan oleh Pengarah JPKN , Puan Ernywati Dewi Abas





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025




Sehinggal Penghargaan & Terima Kasih

MOHD AMIRUL SHAUFIQ BIN SENI
 PEMBANTU KHIDMAT AM
 GRED H1
 atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang

3
TAHUN

bersama JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI
 Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya di tempat baharu.

Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

JPKN.SABAH.GOV.MY   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah  




Sehinggal Penghargaan & Terima Kasih

PUTRI IRDAWATY BINTI ALI ASHGAR
 KETUA PENOLONG PENGARAH (BAHAGIAN PENGURUSAN & SUMBER MANUSIA) GRED N9
 atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang

3
TAHUN

bersama JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI
 Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya di tempat baharu.

Ikhlas daripada
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

JPKN.SABAH.GOV.MY   Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  JPKN_sabah  



BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

Hebahan Integriti
Siri 9 / 2025



PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH 2008 (KELAKUAN DAN TATATERTIB)

Pegawai perkhidmatan awam negeri **WAJIB** mematuhi peruntukan peraturan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian V, Kelakuan dan Tata tertib seperti yang berikut:



Taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Negara (Peraturan 208)



Aku Janji (Peraturan 22)



Larangan membuat pernyataan awam tanpa kebenaran (Peraturan 223)



Larangan Penglibatan dalam aktiviti politik (Peraturan 225)



Hebahan Integriti
Siri 8 / 2025



SURAT AKU JANJI

1. Saya akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara Dan Kerajaan;
2. Saya akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
3. Saya tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
4. Saya tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;
5. Saya tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
6. Saya tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
7. Saya tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam;
8. Saya tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
9. Saya tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tata tertib.

MASIH INGATKAH JANJI KITA?

Ketika Melapor Diri Masuk Berkhidmat;

PENJAWAT AWAM YANG GAGAL MEMATUHI TERMA-TERMA SURAT AKU JANJI DISIFATKAN TELAH MELAKUKAN PELANGGARAN TATATERTIB DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

Mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Peraturan 206 (2)



Hebahan Integriti
Siri 7 / 2025

Adakah saya seorang pekerja yang BERINTEGRITI....?! FIKIR-FIKIRKAN



Mulai dari DIRI SENDIRI



Mulai dari hal-hal KECIL

AYUH!!!! Segera Berubah Sebagai Pekerja Yang Berintegriti

Mulai dari SEKARANG!





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

Program Team Building Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) diadakan bagi memupuk semangat setiakawan, memperkukuh komunikasi serta membina persekitaran kerja yang harmoni dan produktif melalui pelaksanaan aktiviti secara sendiri tanpa melibatkan khidmat pihak luar.

Program ini melibatkan penyertaan 31 orang kakitangan JPKN yang terdiri daripada:

- Bahagian Korporat dan Kualiti (5 orang)
- Bahagian Transformasi Digital (6 orang)
- Bahagian Dasar dan Pengauditan ICT (3 orang)
- PID Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (5 orang)
- PID Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (4 orang)
- PID Jabatan Pengairan dan Saliran (2 orang)
- PID Jabatan Bendahari Negeri (6 orang)

 Tarikh: 14 & 15 Ogos 2025

 Tempat: Beringgis Beach Resort & Spa

Tujuan utama program ini adalah untuk mengukuhkan semangat kerjasama, membina kepercayaan, memupuk rasa kekitaan serta mengurangkan tekanan kerja dalam kalangan warga JPKN.





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Korporat & Kualiti (BKK) telah menyediakan satu video ringkas berkaitan pengenalan dan panduan penggunaan aplikasi-aplikasi Google Workspace yang boleh dimanfaatkan oleh semua warga JPKN dalam tugas harian serta komunikasi digital secara lebih berkesan.

Berikut merupakan pautan video tersebut yang boleh ditonton melalui pelantar media sosial rasmi JPKN:

YouTube: <https://youtu.be/sQQgqelaBTI>

Facebook: <https://www.facebook.com/share/v/1FbCdxgraB/>

TikTok: <https://vt.tiktok.com/ZSSdCeu9H/>



BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

PROGRAM MDX SUMMIT 2025 DAN LAWATAN TEKNIKAL ICT PEGAWAI JPKN DAN CDO/AGINIT AKNS DI KUALA LUMPUR



Program MDX SUMMIT 2025 anjuran Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) telah berlangsung di KLCC, KUALA LUMPUR pada 17 hingga 19 September 2025. Seramai 21 orang pegawai yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah 1, Ketua-ketua Cawangan JPKN dan Pegawai-pegawai Agensi Kerajaan Negeri Sabah iaitu CDO dan Aginit AKNS telah menghadiri program ini.

Selain Program MDX Summit, lawatan teknikal ICT juga telah diadakan bertempat di Maxis Centre KLCC dan my5g Portal. Program ini sekaligus memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai perkembangan teknologi dalam bidang ekonomi digital dan inovasi-inovasi yang boleh membantu mereka dalam merancang dan melaksana pendigitalan di agensi masing-masing kelak.





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

PROGRAM MDX SUMMIT 2025 DA
LAWATAN TEKNIKAL ICT PEGAWAI JPKN DAN CDO/AginIT AKNS
DI KUALA LUMPUR

17 hingga 19 September 2025



JPKN.SABAH.GOV.MY [f](#) [y](#) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri [JPKN_sabah](#)

PROGRAM MDX SUMMIT 2025 DA
LAWATAN TEKNIKAL ICT PEGAWAI JPKN DAN CDO/AginIT AKNS
DI KUALA LUMPUR


17 hingga 19 September 2025



JPKN.SABAH.GOV.MY [f](#) [y](#) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri [JPKN_sabah](#)

PROGRAM MDX SUMMIT 2025 DA
LAWATAN TEKNIKAL ICT PEGAWAI JPKN DAN CDO/AginIT AKNS
DI KUALA LUMPUR

17 hingga 19 September 2025



JPKN.SABAH.GOV.MY [f](#) [y](#) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri [JPKN_sabah](#)



BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



PROGRAM

CAKNA TEKNOLOGI SIBER 2025

Klinik Kesihatan Jalan Kebajikan, Kota Kinabalu

PROGRAM CAKNA TEKNOLOGI SIBER 2025
Klinik Kesihatan Jalan Kebajikan, Kota Kinabalu
28 Ogos 2025


Kelab Sukan dan Rekreasi Komputer (KESITER) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah menganjurkan Program Cakna Teknologi Siber 2025 bertempat di Klinik Kesihatan Jalan Kebajikan.



Melalui program ini, pihak KESITER telah menyampaikan sumbangan dua (2) unit komputer dan satu (1) unit pencetak kepada pihak klinik bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan serta kelancaran operasi harian.



Selain itu, turut diadakan Ceramah Kesedaran Jenayah Siber yang bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan mengenai ancaman keselamatan maklumat serta langkah pencegahan yang wajar. Program ini mencerminkan komitmen KESITER dan JPKN dalam memperkukuh peranan sosial melalui pemeraksanaan digital, di samping mempererat hubungan strategik bersama komuniti kesihatan awam.





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

KARNIVAL

SUKAN JPKN 2025 - 2026



FUTSAL MATCH



SPADES TEAM
27 SEPTEMBER 2025

KARNIVAL SUKAN JPKN 2025: PERTANDINGAN FUTSAL

Tarikh: 27 September 2025

Tempat: Kompleks Sukan Tun Adnan, Yayasan Sabah, Likas
Kali ini, sukan kegemaran ramai dan saingan hebat Pertandingan Futsal telah berjaya dilaksanakan dengan penuh semangat dan keseronokan pada hari Sabtu yang lalu! Setiap pasukan menampilkan aksi yang hebat, penuh strategi dan semangat kesukanan yang tinggi. Tidak kira menang atau kalah, semuanya bermain dengan jiwa dan semangat kekeluargaan JPKN!



DIAMONDS TEAM



CLOVERS TEAM



HEARTS TEAM

Terima kasih kepada semua pemain, penyokong, dan urus setia yang telah menjayakan pertandingan ini.

Keputusan Akhir Perlawanan Futsal JPKN 2025

- Kategori Lelaki:

- Hearts ♥
- Diamonds ♦
- Clovers ♣
- Spades ♠

- Kategori Perempuan:

- Hearts ♥
- Diamonds ♦
- Spades ♠
- Clovers ♣





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025

MARKAH TERKINI KARNIVAL SUKAN JPKN 2025!

Persaingan makin sengit antara empat rumah sukan utama kita!
 Setiap mata dikutip dengan penuh semangat, setiap sorakan membawa tenaga luar biasa!
 Siapa di atas, siapa kejar belakang – semua masih dalam permainan! Jangan putus asa!
 Hearts | Spades | Clovers | Diamonds
 Teruskan berjuang, jangan menyerah!



SCOREBOARD KARNIVAL SUKAN JPKN 2025 - 2026

	BADMINTON RAYA (SPECIAL)	FUTSAL MATCH (MEN'S)	FUTSAL MATCH (WOMEN'S)	BOWLING MATCH (WOMEN'S)	BOWLING MATCH (WOMEN'S)	TECH STRIDE 1.0				OVERALL SCORE
SPADES	3	1	2	0	0	0	0	0	0	6
HEARTS	2	4	4	0	0	0	0	0	0	10
CLOVERS	1	2	1	0	0	0	0	0	0	4
DIAMONDS	4	3	3	0	0	0	0	0	0	10

KELAB SUKAN DAN REKREASI KOMPUTER - KESITER



BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W PERINGKAT NEGERI SABAH 1447H/2025M

SANDAKAN | JUMAAT, 5 SEPTEMBER 2025

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah bersama jabatan serta agensi di bawah naungan kementerian telah menyertai perarakan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Negeri Sabah 1447H/2025M yang berlangsung meriah di Sandakan pada Jumaat baru – baru ini.



Majlis anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) ini telah dihadiri ribuan peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pendidikan, badan beruniform dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Tema sambutan tahun ini “Membangun Ummah Madani”, menekankan kepentingan memperkukuhkan nilai ukhuwah, kasih sayang, integriti serta tanggungjawab sosial dalam kalangan umat Islam untuk membentuk masyarakat yang harmoni, berilmu dan berakhlak mulia.

Semoga dengan sambutan ini, terhasil wadah penting dalam menghayati sirah Rasulullah S.A.W serta memperkukuh semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.





BULETIN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Julai-September 2025



KAJIAN MAKLUM BALAS PERKHIDMATAN JPKN

Imbas kod QR untuk maklum balas


jpkn.sabah.gov.my



 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



Portal ini menyediakan beberapa jenis perkhidmatan utama iaitu:-

- Bantuan Sistem
- Permohonan Perkhidmatan
- Aduan dan Cadangan

Pengurusan permohonan yang dinyatakan adalah dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



Scan Me


jpkn.sabah.gov.my



 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



WWW.JPKN.SABAH.GOV.MY

**Jabatan Perkhidmatan Komputer
Negeri, Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara
Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400,
Kota Kinabalu, SABAH**



jpkn.sabah.gov.my



[JPKN_sabah](https://www.tiktok.com/@jpkn_sabah)



[Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri](https://www.facebook.com/jpknsabah)